

SULIT



**KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI**

**BAHAGIAN PEPERIKSAAN DAN PENILAIAN
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**

JABATAN KEJURUTERAAN AWAM

PEPERIKSAAN AKHIR

SESI II : 2024/2025

BCF20033: FACILITIES MANAGEMENT 2

TARIKH : 10 JUN 2025

MASA : 9.00 PAGI – 12.00 TGH (3 JAM)

Kertas ini mengandungi **ENAM (6)** halaman bercetak.

Struktur (4 soalan)

Dokumen sokongan yang disertakan : ~~Kertas Graf, Formula dsb~~ / Tiada

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIARAHKAN

(CLO yang tertera hanya sebagai rujukan)

SULIT

INSTRUCTION:

This section consists of **FOUR (4)** questions. Answer **ALL** questions.

ARAHAN:

*Bahagian ini mengandungi **EMPAT (4)** soalan. Jawab **SEMUA** soalan.*

QUESTION 1**SOALAN 1**

CLO1

- (a) A Strategic Facility Plan (SFP) serves as a roadmap for facility managers to align workspace planning, resource allocation, and operational efficiency with business objectives. By integrating facility planning with strategic decision-making, organizations can optimize space utilization, reduce costs, and enhance employee experiences. Discover **FIVE (5)** important aspects of a SFP that help organizations meet their long-term needs.

*Pelan Kemudahan Strategik (SFP) berfungsi sebagai panduan kepada pengurus fasiliti untuk menyelaraskan perancangan ruang kerja, peruntukan sumber dan kecekapan operasi dengan objektif perniagaan. Dengan menyepadukan perancangan fasiliti dengan membuat keputusan strategik, organisasi dapat mengoptimumkan penggunaan ruang, mengurangkan kos dan meningkatkan pengalaman pekerja. Temui **LIMA (5)** aspek penting SFP dalam membantu organisasi mencapai keperluan jangka panjang.*

[10 marks]

[10 markah]

CLO1

- (b) In facilities management, understanding the gap between the current facility condition and the future needs of an organization is essential for making strategic decisions. Facility managers need to use analytical techniques to identify discrepancies between existing facilities and the organization's long-term goals. Analyse **FIVE (5)** techniques that facility managers can use to gather information about current facility conditions and future organizational needs.

*Dalam pengurusan fasiliti, memahami jurang antara keadaan semasa fasiliti dan keperluan masa hadapan sesebuah organisasi adalah penting untuk membuat keputusan strategik. Pengurus fasiliti perlu menggunakan teknik analisis untuk mengenal pasti percanggahan antara kemudahan sedia ada dan matlamat jangka panjang organisasi. Analisis **LIMA (5)** teknik yang boleh digunakan oleh pengurus fasiliti bagi mendapatkan maklumat tentang keadaan semasa fasiliti dan keperluan organisasi pada masa hadapan.*

[15 marks]

[15 markah]

QUESTION 2

SOALAN 2

CLO1

- (a) Facilities audits are essential for improving the operational efficiency of an organization by identifying maintenance needs, ensuring compliance, and optimizing resources. Explain **FIVE (5)** key reasons why conducting a facilities audit is important for an organization.

*Audit fasiliti adalah penting untuk meningkatkan kecekapan operasi sesebuah organisasi dengan mengenal pasti keperluan penyelenggaraan, memastikan pematuhan, dan mengoptimumkan penggunaan sumber. Terangkan **LIMA (5)** sebab utama mengapa audit fasiliti perlu dijalankan dalam sesebuah organisasi.*

[10 marks]

[10 markah]

CLO1

- (b) Facility managers play a crucial role in maintaining the quality and efficiency of an organization's built environment. Their responsibilities extend beyond daily operations to include ensuring compliance with industry standards, optimizing maintenance strategies, and enhancing overall facility performance. Analyse **FIVE (5)** key roles of a facility manager in quality management that contribute to long-term facility sustainability and performance.

*Pengurus fasiliti memainkan peranan penting dalam mengekalkan kualiti dan kecekapan persekitaran binaan sesebuah organisasi. Tanggungjawab mereka melangkaui operasi harian, termasuk memastikan pematuhan terhadap piawaian industri, mengoptimumkan strategi penyelenggaraan, dan meningkatkan prestasi keseluruhan kemudahan. Analisis **LIMA (5)** peranan utama pengurus fasiliti dalam pengurusan kualiti yang menyumbang kepada kelestarian dan prestasi pengurusan fasiliti jangka panjang.*

[15 marks]

[15 markah]

QUESTION 3**SOALAN 3**

CLO1

- (a) In the context of facilities management, change management plays a crucial role in ensuring smooth transitions in infrastructure, operations, and workforce adaptation. Organisations must constantly adapt to change to remain competitive and efficient. Apply **FIVE (5)** key principles of change management to successfully implement a facility upgrade in an organization.
- Dalam konteks pengurusan fasiliti, pengurusan perubahan memainkan peranan penting dalam memastikan peralihan yang lancar dari segi infrastruktur, operasi, dan penyesuaian tenaga kerja. Organisasi mesti sentiasa menyesuaikan diri dengan perubahan untuk kekal berdaya saing dan cekap. Gunakan **LIMA (5)** prinsip utama pengurusan perubahan untuk melaksanakan peningkatan fasiliti dengan jayanya dalam sesebuah organisasi.*

[10 marks]

[10 markah]

CLO1

- (b) Effective change management in facilities management requires a strategic approach to minimize disruption and ensure long-term success. Changes in infrastructure, technology, and workplace design can significantly impact operational efficiency and employee productivity. Analyse **FIVE (5)** impacts of change management on facilities management, providing relevant examples to support your analysis.

*Pengurusan perubahan yang berkesan dalam pengurusan fasiliti memerlukan pendekatan strategik untuk meminimumkan gangguan dan memastikan kejayaan jangka panjang. Perubahan dalam infrastruktur, teknologi, dan reka bentuk tempat kerja boleh memberi kesan ketara terhadap kecekapan operasi dan produktiviti pekerja. Analisis **LIMA (5)** kesan pengurusan perubahan terhadap pengurusan fasiliti dengan memberikan contoh yang relevan bagi menyokong analisis anda.*

[15 marks]

[15 markah]

QUESTION 4

SOALAN 4

CLO1

- (a) Successful event management requires seamless coordination of various aspects, including venue preparation, logistics, security, and resource management. Facility management plays a crucial role in ensuring that all these elements are well-organised to prevent disruptions and enhance the overall event experience. Explain **FIVE (5)** key responsibilities of a facility manager that contribute to the smooth execution of events.

*Pengurusan acara yang berjaya memerlukan penyelarasan yang lancar dari pelbagai aspek, termasuk penyediaan tempat, logistik, keselamatan, dan pengurusan sumber. Pengurusan fasiliti memainkan peranan penting dalam memastikan semua elemen ini disusun dengan baik untuk mengelakkan gangguan dan meningkatkan keseluruhan pengalaman acara. Jelaskan **LIMA (5)** tanggungjawab utama pengurus fasiliti yang menyumbang kepada kelancaran pelaksanaan sesuatu acara.*

[10 marks]

[10 markah]

CLO1

- (b) Managing a high-profile sports tournament as a facilities manager presents numerous challenges that require strategic planning, coordination, and effective problem-solving. With thousands of spectators, athletes, media personnel, and staff involved, ensuring the smooth execution of the event demands close attention to infrastructure readiness, security, technology integration, environmental sustainability, and post-event management. Each of these elements plays a crucial role in minimizing disruptions, maintaining safety, and enhancing the overall attendee experience. Analyse **FIVE (5)** potential challenges and propose effective solutions that facilities managers can implement to ensure the tournament runs efficiently while meeting both organizational and regulatory requirements.

*Menguruskan kejohanan sukan berprofil tinggi sebagai pengurus fasiliti memberikan pelbagai cabaran yang memerlukan perancangan strategik, penyelarasan, dan penyelesaian masalah yang berkesan. Dengan kehadiran ribuan penonton, atlet, petugas media, dan kakitangan yang terlibat, memastikan kelancaran pelaksanaan acara memerlukan perhatian teliti terhadap kesiapsiagaan infrastruktur, keselamatan, integrasi teknologi, kelestarian alam sekitar, dan pengurusan pasca acara. Setiap aspek ini memainkan peranan penting dalam meminimumkan gangguan, mengekalkan keselamatan, dan meningkatkan keseluruhan pengalaman peserta. Analisis **LIMA (5)** cabaran berpotensi serta kemukakan penyelesaian berkesan yang boleh dilaksanakan oleh pengurus fasiliti bagi memastikan kejohanan berjalan lancar sambil memenuhi keperluan organisasi dan patuhan terhadap peraturan.*

[15 marks]

[15 markah]

SOALAN TAMAT